

Headline	NGO turun padang baiki rumah daif		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 May 2012	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	18	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,722
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,165



NGO turun padang baiki rumah daif

CHANGLUN - Sejumlah 186 kediaman keluarga miskin yang mengalami kerosakan kecil menerima bantuan pembaikan secara berperingkat-peringkat daripada sebuah badan bukan kerajaan (NGO) di sini bermula kelmarin.

NGO berkenaan iaitu Persatuan Kebajikan Membasmi Kemiskinan Malaysia (PAM) yang ditubuhkan kira-kira dua bulan lalu bermurah hati membantu membaiki rumah berkenaan dengan kos RM60,000.

Pengerusi PAM, Mohamad Nizam Malik memberitahu, pemilihan rumah tersebut adalah hasil kaji selidik pihaknya dengan kerjasama belia setempat di kawasan terpilih sejak beberapa minggu lalu.

Katanya, kajian dibuat berdasarkan taraf kehidupan dan mereka pula terdiri daripada keluarga daif, penghuni rumah yang mengalami masalah kesihatan, penyakit kronik dan orang kelainan upaya.

"Sebagai permulaan, PAM membaiki kerosakan kecil seperti kebocoran bumbung, membina bilik air dan membaiki lantai yang rosak di 18 buah rumah sekitar Changlun,

Malau dan Jitra.

"Baki 168 rumah lagi akan dibaik pulih dalam tempoh dua bulan," katanya pada program Jejak Bantu Rakyat peringkat Parlimen Kubang Pasu di sini semalam.

Program sehari itu disertai 160 sukarelawan terdiri daripada 110 anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Utara Malaysia, ahli PAM

dan sukarelawan PAM yang terdiri daripada belia setempat.

Pada program itu, mereka turut membersihkan rumah 18 keluarga terpilih di Paya Nongmi, Kampung Padang Pasir dan Kampung Sungai Buluh di sini serta Jalan Perik, Malau dan Kampung Nyior di Jitra.

Menurut Mohamad Nizam, program itu turut mendapat kerjasama Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Mohd. Johari Baharom menerusi sumbangan sebanyak RM10,000 selain dana PAM sebanyak RM50,000.

Katanya, ia merupakan program pertama PAM selepas didaftarkan pada 11 Mei lalu dan merancang mengadakan program sama di Padang Besar, Perlis dan Rantau Panjang, Kelantan.

MOHAMAD NIZAM (kiri) bersama sukarelawan bergotong-royong membersihkan persekitaran rumah orang miskin di Changlun, Kedah kelmarin.

